



SIARAN MEDIA

Pembayaran Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) Tambahan bernilai RM2.1 bilion secara berperingkat mulai 30 Jun 2021 (Rabu)

SIARAN MEDIA | 30 JUN 2021



KENYATAAN MEDIA

MENTERI KEWANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) adalah sebuah inisiatif bantuan tunai yang diperkenalkan Kerajaan bagi memanfaatkan golongan B40. **Pembayaran BPR Fasa 1 dan Fasa 2 berjumlah RM4.68 bilion** telahpun dibayar kepada **8.4 juta**

penerima pada Februari 2021 dan Mei 2021 yang lepas.

Pada 31 Mei 2021, Kerajaan telah mengumumkan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) bagi tujuan membantu meredakan cabaran yang dihadapi terutamanya ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dengan menambahbaik Program BPR. Kini, pembayaran **BPR Tambahan** berkenaan akan menyusul dengan memanfaatkan jumlah penerima yang sama, merangkumi **3.6 juta isi rumah, 1.0 juta warga emas (bujang/tiada pasangan) dan 3.8 juta individu bujang.**

Mereka akan menerima bayaran secara berperingkat mulai 30 Jun 2021 (Rabu) melibatkan peruntukan berjumlah **RM2.1 bilion.**

Pembayaran ini akan disalurkan seperti berikut:

Jenis Penerima	Tarikh Bayaran	Cara Pembayaran
Isi Rumah, Warga Emas dan Individu Bujang	30 Jun – 2 Julai 2021	Terus dikreditkan ke dalam akaun bank.
Penerima yang tidak mempunyai akaun bank (termasuk di Sabah & Sarawak)	Mulai 30 Jun 2021	Melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN). Pihak BSN akan mengeluarkan panduan SOP dari semasa ke semasa.

Mengambil kira pembayaran Fasa 1, Fasa 2 dan BPR Tambahan, bantuan tunai yang disediakan sehingga kini kepada hampir **8.4 juta penerima adalah sebanyak RM6.78 bilion** manakala jangkaan pembayaran Fasa 3 pula pada September 2021 dianggarkan berjumlah **RM2.32 bilion.** **Secara keseluruhannya, peruntukan berjumlah RM9.1 bilion telah disediakan oleh Kerajaan bagi pelaksanaan BPR yang telah dan akan disalurkan kepada golongan B40.**

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan bantuan yang diperuntukkan sampai kepada mereka yang disasarkan bagi menjamin kesejahteraan Rakyat. Kerajaan berharap agar bantuan tunai ini akan meringankan beban golongan B40

terutamanya mereka yang amat terkesan akibat pelaksanaan
PKP 3.0 pada kali ini.

YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
30 Jun 2021

[Lampiran: Jadual pembayaran BPR Tambahan kepada penerima yang lulus.](#)

Bantuan Prihatin Rakyat

BPR

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

TEAM MOF

HARGA MINYAK

PRICE OF PETROLEUM